SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 10 TAHUN 1991

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

TUNTUTAN ELAUN DAN BAYARAN UNTUK ISTERI/SUAMI PEGAWAI YANG DIKEHENDAKI MENGIRINGI PEGAWAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS-MAJLIS RASMI

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peruntukan bagi pegawai-pegawai yang dikehendaki menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah dibenarkan menuntut elaun-elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa bertugas rasmi bagi pihak isteri/suami yang perlu mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi.

2. Latar Belakang

2.1 Pada masa ini, Tuntutan-tuntutan elaun dan bayaran oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Am Bab 'B', Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1980 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil . 13 Tahun 1990 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1991. Walau bagaimanapun, Perintah Am dan Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan tidak memperuntukkan apa-apa peraturan mengenai kelayakan isteri/suami pegawai bagi menuntut elaun-elaun dan bayaran-bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa mengiringi pegawai melakukan lawatan rasmi.

3. Peraturan Baru

3.1 Dengan ini adalah ditetapkan bahawa pegawai-pegawai dibenarkan menuntut elaun-elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai bagi pihak isteri/suami yang mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1991, tertaluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

3.1.1 majlis /upacara rasmi yang diiktiraf bagi tujuan membenarkan tuntutan seperti ini adalah bagi menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong/ Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diperingkat Negeri yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan/Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-negeri/Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri; dan

3.1.2 hanya Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri,Ketua-ketua Jabatan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah (atau wakil masing-masing) yang dititah/diarah dan dikehendaki membawa isteri/suami bagi menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah yang berkenaan, dibenarkan membuat tuntutan berkaitan dengan lawatan rasmi itu.

4. **Tarikh Kuatkuasa**

4.1 Peraturan baru ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan.

DATO' MOHD. RAMLI BIN MAT WAJIB,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

27 September, 1991

s.k.

Akauntan Negara Malaysia
Semua Y.B Pegawai Keawangan Negeri.